

NO SOALAN :49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
(KOTA BHARU)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 02.11.2017**

**Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah progres Pelan Rasionalisasi 1MDB yang dibuat bagi menyelesaikan bebanan hutang syarikat 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan (MOF) melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) selaku pemegang saham 100% 1MDB telah mengambil langkah pada tahun 2015 untuk menjalankan kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan Pelan Rasionalisasi terhadap 1MDB.

Di samping itu, MOF melalui siaran media di laman web rasminya pada 4 Mei 2016 telah mengumumkan bahawa MKD telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Tuan Yang Dipertua,

Rancangan 1MDB untuk menyelesaikan hutang syarikat adalah seperti berikut:

- i. Pertama, penjualan 100% kepentingan ekuiti 1MDB di dalam syarikat penjana kuasa elektrik bebas Edra (*independent power producer* (IPP), dengan izin). Hasil penjualan ini, 1MDB telah pun membayar balik kesemua hutang bank dan hutang jangka masa pendek;
- ii. Kedua, menurut cadangan PAC, 1MDB perlu memindahkan 100% kepentingan ekuiti 1MDB di dalam hartanah Tun Razak Exchange (TRX) berkeluasan 70 ekar, Bandar Malaysia berkeluasan 486 ekar, Pulau Indah berkeluasan 310 ekar, dan

Air Itam berkeluasan 235 ekar) kepada MKD; dan

- iii. Ketiga, melalui pengewangan unit dana dan penyelesaian pertikaian bersama International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investments PJS (Aabar).